

Malaysia

BH 25 ME 1977

ingin sertai sepenuhnya varsiti PBB

Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Malaysia berharap dapat menyertai sepenuhnya semua bidang kegiatan Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU).

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran itu menggesa sarjana dan institusi-institusi penyelidikan di tanah air bersatu memajukan aspek-aspek yang berkaitan dengan projek-projek universiti itu.

Beliau menyatakan demikian waktu merasmikan mesyuarat perundingan UNU dua hari di Universiti Malaya di sini.

Ucapannya disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Abdul Kadir Talib.

Dr. Mahathir menegaskan, matlamat-matlamat yang ditentukan bagi negara ini tidak mungkin tercapai tanpa mengetahui masalah-masalah menerusi lati-

han sumber tenaga manusia dan penyelidikan serta menerusi pendidikan yang sistematik.

Dalam hubungan ini, tambah beliau, universiti-universiti memainkan peranan penting dan utama.

Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan, bahawa beliau akan berusaha sedaya upaya menyokong Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu dan institusi-institusi penyelidikan dalam sebarang rancangan untuk bekerjasama dengan Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu sama ada secara langsung ataupun berkelompok.

3 bidang

Beliau mengalu-alukan usaha UNU menyebarkan pengetahuan ke seluruh dunia bukan saja di kalangan para pemimpin kebangsaan dan sarjana, tetapi juga rakyat biasa.

Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu mula diperkenalkan dalam tahun

1975/1976 dan ia tidak mempunyai kampus atau fakulti tetap di satu-satu tempat, tetapi bergantung kepada rancangan institusi-institusi di seluruh dunia.

Buat masa ini, ia telah menetapkan tiga bidang untuk diberi keutamaan, iaitu kebuluran, pembangunan masyarakat dan penggunaan serta pentadbiran bahan-bahan asli.

Dr. Mahathir berharap Universiti itu dapat turut membantu Malaysia mengatasi masalah kemiskinan di kalangan semua rakyat negara ini.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, Malaysia sentiasa mengalu-alukan sebarang kerjasama yang boleh mengeratkan lagi perpaduan, seperti perpaduan di antara negara-negara Asean.

Beliau menyebut pelajaran sebagai contoh dan berkata, negara-negara anggota ASEAN sudahpun mewujudkan kerjasama antara universiti-universiti nya.

Sokongan

Terdahulu dari itu, Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Ungku Aziz berkata, mesyuarat itu mempunyai erti yang besar kerana berbagai universiti dapat berbincang dengan Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai kerjasama serantau dan seluruh dunia.

Katanya, UNU patut diberi segala sokongan oleh semua kerajaan dan yayasan pelajaran tinggi.

Bagaimanapun, sebelum universiti itu dapat diberikan sokongan yang positif dan jujur, formula dan konsep mengenai susunan universiti itu perlu diberikan supaya dapat difahami sepenuhnya.

Rektor Universiti Bangsa-Bangsa Bersatu, Dr. James M. Hester berkata, mesyuarat itu adalah salah satu daripada beberapa mesyuarat yang diadakan. Mesyuarat pertamanya telah berlangsung di Royal Society di London dalam bulan Oktober tahun lalu.

Menurut beliau, mesyuarat tersebut bertujuan supaya tenaga akademik di seluruh dunia dapat bersama-sama memikul tanggungjawab memenuhi mandat yang telah diberikan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu itu.

Mengenai UNU, Dr. Hester berkata, Universiti itu mempunyai kuasa autonomi dan bebas.

Tujuan besarnya ialah menolong menyelesaikan rancangan-rancangan yang mendesak di seluruh dunia mengenai kehidupan manusia, pembangunan dan kebajikan.